

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA  
DATO SERI DATIN PADUKA  
DR. SITI HASMAH BTE HAJI MOHD. ALI  
DI PELANCARAN KELAB COLGATE  
DI HYATT SAUJANA, SUBANG  
PADA HARI RABU, 20HB. SEPTEMBER, 1989  
PUKUL 9.30 PAGI

Assalamualaikum /warahmatullahi wabarakatuh)  
dan salam sejahtera.

Encik Graeme Murray, Naib Presiden,  
Colgate-Palmolive Company dan Pengarah  
Urusan, Colgate-Palmolive (Malaysia)  
Sdn. Bhd. ;

En. Mohamad Maidon, Human Resources  
Director, Col-Palm.  
Dif-Dif kehormat;

Pengenali, Rumah, Anak Yatim,  
Anak-anak ~~dari~~: yg dikasihkan

- A (Rumah Anak-anak Yatim Bakti, - Cik TASHIAH
- B Rumah Anak-anak Yatim Al-Hariah, - Puan NORAINI
- C Rumah Ozanam, - Puan ELIZ. VAZ.
- E Shelter Homes, - Cik AVERIK TAN.
- D Pusat Kebajikan Good Shepard. ) - Cik JANE FERNANDEZ.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Saya berasa sukacita kerana dapat hadir di Majlis Perasmian Pelancaran Kelab Colgate ini, lebih-lebih lagi memandangkan majlis ini adalah untuk kanak-kanak, khususnya dari rumah-rumah anak yatim.

2. Saya sungguh terharu dengan sumbangan daripada sektor swasta yang telah banyak memberi berbagai-bagai kemudahan dan bantuan bagi kesempurnaan dan kesejahteraan rumah-rumah kebajikan yang menampung begitu ramai anak yatim piatu di negara ini. Dalam suasana seperti ini, saya yakin anak-anak yatim akan dapat menjalani kehidupan dengan lebih sihat dan bahagia.

3. Pada masa ini, kesedaran kita mengenai kesihatan semakin bertambah. Terdapat begitu

... banyak/-

banyak buku mengenai apa yang baik dan berkhasiat untuk badan kita. Kita tahu bahawa senaman yang diamalkan setiap hari adalah baik untuk kesihatan kita – baik daripada segi fizikal, rohani dan jasmani. Kebersihan dan kesucian ialah satu lagi aspek yang penting dalam kehidupan kita dan pada zaman ini, boleh dikatakan tidak ada rumah yang tidak ada sabun atau ubat gigi.

4. Dengan cara hidup yang lebih sihat ini, taraf penjagaan kesihatan gigi dan mulut telah menjadi bertambah baik semenjak beberapa tahun lalu. Ini adalah disebabkan kesedaran mengenai penjagaan kesihatan gigi dan mulut telah meningkat, serta kemajuan besar yang dicapai dalam penyelidikan dan perkembangan dalam bidang kesihatan gigi yang

...di jalankan/-

dijalankan oleh sektor awam dan sektor swasta, termasuk usaha daripada pengeluar bahan-bahan penjagaan gigi.

5. Terdapat pelbagai bahan penjagaan kesihatan gigi dan mulut di pasaran sekarang. Pada suatu masa, suasana pasaran menjadi begitu hebat dengan berbagai ubat gigi untuk mencegah kaviti, plaque, dan lain-lain lagi. Sekarang ini para pengeluar bahan ubat gigi begitu giat menggalakkan kita untuk mencegah tartar. Begitu juga dengan berus gigi yang juga dibuat dalam berbagai bentuk dan ukuran supaya boleh sampai ke bahagian-bahagian gigi yang sukar untuk diberus. Tidak ketinggalan juga ada golongan pelanggan yang tertarik kepada bahan pencuci mulut yang dibuat dalam berbagai perasa.

... Anak-anak/-

Tuan-tuan dan Puan-puan,

6. Anak-anak kita mestilah diberi kesedaran akan betapa pentingnya mereka mengamalkan pemakanan yang baik dan memberus gigi dengan cara yang betul. Kesedaran dan pengetahuan mengenai kesihatan gigi akan menjadikan mereka tidak takut untuk menemui doktor gigi. ( Keadaan ini amat jauh berbeza jika dibandingkan dengan kanak-kanak dua puluh atau tiga puluh tahun dahulu.)

7. Memang betul, pencegahan adalah lebih baik daripada pengubatan. Saya percaya bahan-bahan penjagaan gigi sahaja tidak dapat menjamin kesihatan gigi. Pendidikan perlu diberi keutamaan. Proses pendidikan patut dimulakan sewaktu mereka di peringkat

**...kanak-kanak/-**

kanak-kanak, dan ini adalah salah satu daripada tanggungjawab penting ibubapa, guru-guru dan masyarakat.

8. Pakar-pakar psikologi dan pendidikan kanak-kanak telah menggariskan dengan jelas perkembangan psikologi kanak-kanak. Keperluan dan keinginan mereka berubah mengikut peringkat umur. Apabila sampai ke peringkat umur belasan tahun, kelakuan mereka sama ada baik atau buruk, sukar diubah dan mungkin akan dibawa sepanjang hidupnya. Oleh yang demikian, pendedahan dan pengaruh semasa kanak-kanak sangat penting dalam proses pembesaran bagi membantu mereka mencapai kedewasaan dengan sempurna. Pengaruh-pengaruh ini datangnya daripada ibubapa, guru-guru dan kawan-kawan mereka.

... Semenjak/-

9. Semenjak beberapa tahun ke belakangan ini terdapat satu lagi faktor penting yang mempengaruhi kehidupan anak-anak kita, iaitu iklan-iklan komersial di televisyen untuk melariskan penjualan barang dagangan.

10. Memandangkan besarnya pengaruh iklan ke atas kehidupan harian kita, syarikat-syarikat swasta haruslah sedar akan tanggungjawab sosial mereka terhadap pengguna-pengguna barang-barang mereka. Mereka mesti menyedarkan orang ramai khususnya kanak-kanak dan muda-mudi mengenai barang-barang yang mendatangkan kebaikan kepada mereka dan bukan sebaliknya.

11. Mungkin kerana kepentingan pengguna, syarikat-syarikat ini khususnya syarikat-

... syarikat/-

syarikat besar seperti Colgate-Palmolive menyedari tanggungjawab mereka dan telah berusaha dengan melibatkan diri dalam proses pendidikan. Dengan penglibatan mereka ini, Colgate-Palmolive dapat menggunakan hasil penyelidikan dan perkembangan yang terbaru dalam bidang kesihatan gigi, dan secara umumnya mereka dapat menggunakan kemahiran pakar-pakar pendidikan antarabangsa yang sentiasa mencari cara-cara baru dan inovatif untuk menarik minat kanak-kanak dalam pendidikan.

12. Oleh yang demikian, saya mengucapkan tahniah kepada Colgate-Palmolive kerana usahanya menubuhkan sebuah kelab untuk kanak-kanak di negara ini. Usaha ini sedikit sebanyak akan dapat membantu usaha Kerajaan

... dalam/-

dalam mendidik kanak-kanak mengenai pentingnya penjagaan gigi dan mulut. Masa dan usaha yang ditumpukan oleh Colgate-Palmolive untuk melaksanakan tugas ini seharusnya dipuji dan dicontohi.

13. Kehadiran anak-anak yatim khasnya di Majlis ini, dan sumbangan yang dibuat oleh Colgate-Palmolive, akan menguatkan lagi komitmen syarikat ini terhadap matlamat mereka.

Tuan-Tuan dan Puan-puan,

14. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Colgate-Palmolive kerana mengundang saya ke

...Majlis/-

Majlis ini, Saya juga mengucapkan tahniah kepada kanak-kanak yang hadir di sini kerana menjadi ahli pengasas Kelab Colgate.

15. Dengan ini, saya dengan sukacitanya mengisytiharkan secara rasminya pelancaran Kelab Colgate ini.

